

Lepasan STPM dipelawa ke UMSKAL

4M 28·5·2014 26

LABUAN 27 Mei -

Universiti Malaysia Sabah

Kampus Antarabangsa

Labuan (UMSKAL)

mengalu-alukan lepasan

Sijil Tinggi Persekolahan

Malaysia (STPM) untuk

melanjutkan pelajaran di

universiti berkenaan.

Pengarah UMSKAL,
Prof. Madya Dr. Ismail Ali
berkata, antara fakulti yang
menawarkan pelbagai
program bersesuaian
dengan landskap pasaran
kerja adalah Fakulti
Perniagaan dan Kewangan
Antarabangsa Labuan serta
Fakulti Komputeran dan
Informatik.

"Fakulti Perniagaan dan
Kewangan Antarabangsa
Labuan menawarkan lima
program iaitu Kewangan
Antarabangsa, Perbankan
Antarabangsa dan Luar
Pesisir, Pemasaran
Antarabangsa, Ekonomi
Kewangan Antarabangsa
dan Kewangan Islam
manakala Fakulti
Komputeran dan
Informatik menawarkan
dua program iaitu
E-Dagang dan Teknologi
Multimedia," katanya
dalam kenyataan di sini
hari ini.